

# AGAMA ITU NASIHAT

## Zakat Harta

Zakat ialah salah satu rukun Islam yang sangat-sangat besar artinya untuk membina masyarakat Islam. Di dalam *al-Qur'ān* berulang-ulang disebut akan kalimah “*zakāh*” berpasangan dengan kalimah “*ṣalāh*” (sembahyang). Begitu juga di dalam *Hadīth* dinyatakan akan balasan buruk yang akan diterima oleh orang-orang yang enggan membayar atau mengeluarkannya.

Orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat, terutama zakat harta – yang menjadi hak *fuqarā'* dan *masākīn* itu – boleh dituntut oleh pihak yang berkuasa – pemerintah Islam, dengan paksa.

Dasar ini telah dijalankan oleh Sayyidinā Abū Bakr al-Ṣiddīq Khalifah Islam yang pertama, tatkala dalam zamannya beberapa suku Arab enggan membayar zakat. Sayyidinā Abū Bakr telah memerangi mereka dan akhirnya mereka telah rujuk membayarnya, sebagaimana yang mereka lakukan semasa hayat Rasulullah *ṣalla Allāhu 'alayhi wa 'ālihi wa sallam* dahulu.


Pada mulanya langkah Sayyidinā Abū Bakr memerangi golongan yang tersebut telah dibantah oleh Sayyidinā 'Umar, dengan bersandarkan *Hadīth* yang maksudnya: Barangsiapa mengucap *Lā ilāha illa Allāh*, terpeliharalah nyawa dan harta bendanya. Lalu dijawab oleh Sayyidinā Abū Bakr:

Demi Allah, aku akan perangai orang-orang yang menceraikan di antara sembahyang dengan zakat, kerana zakat

itu hak harta. Demi Allah! Jika mereka enggan membayar seekor anak kambing, yang biasa mereka membayarnya kepada Rasulullah *ṣalla Allāhu 'alayhi wa sallam*, nescaya aku akan perangai mereka.”

Setelah mendengar alasan Sayyidinā Abū Bakr yang demikian, Sayyidinā 'Umar berpuas hati lalu menyokong langkahnya itu.

Di dalam *Hadīth* sahih yang diriwayatkan oleh Bukhāri dan Muslim menegaskan bahawa orang yang enggan membayar zakat hendaklah ditundukkan dengan paksa (dan kalau mereka



**Pada hari raya Aidil Fitri *al-mubārak*, masjid-masjid penuh sehingga membanjiri kawasan luarnya dan suara takir bergema di angkasa raya.**

**Masjid yang melambangkan keagungan Islam ini ialah Masjid al-Fawli – Mesir yang telah dibina semula oleh Kementerian Wakaf Mesir baharu-baharu ini.**

ramai hendaklah diperangi) sehingga mereka rujuk membayarnya seperti sedia kala.

*Hadīth* (Bukhārī dan Muslim) itu diriwayatkan oleh ‘Abd Allāh ibn ‘Umar, bahawa Rasulullah *ṣalla Allāhu ‘alayhi wa ṣallam* bersabda (maksudnya):

“Aku diperintahkan memerangi manusia (Musyrikin Arab) sehingga mereka itu mengucap *lā ilāha illa Allāhu Muḥammadun Rasūlu Allāh*, dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan Zakat. Apabila mereka melakukan yang demikian, terpeliharalah darah mereka (nyawa) daripadaku, melainkan dengan hak Islam, dan hitungan amal mereka terserah kepada Allah.”

Perkataan “melainkan dengan hak Islam” yang tersebut di dalam *Hadīth* ini, maksudnya: keselamatan mereka tidak akan disentuh selagi mereka menunaikan “hak Islam” dengan sempurna. Tetapi apabila sesuatu hak Islam – zakat umpamanya – tidak ditunaikan, maka mereka akan ditundukkan dengan paksa untuk menunaikannya.

### **Berderma dan Berkhairat**

Telah sedia maklum, bahawa pemberian yang baik sekali ialah yang berupa barang yang baik, bukan yang buruk, yang sudah sepatutnya dibuang. Iaitu diberikan kepada fakir miskin dan orang yang patut diberi bantuan. Pemberian itu hendaklah diiringi dengan hati yang tulus ikhlas, tidak mengharapkan terima kasih dan balasan. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah Ta‘ālā dengan firman-Nya:

*Lan tanālū al-birra ḥattā tunfiqū mimma tuḥibbūna wa mā tunfiqū min shay’in fa inna Allāha bihi ‘alīm.* (92 Āl ‘Imrān).

Ertinya: “Tidak akan kamu mendapat kebajikan sehingga kamu mendermakan sebahagian daripada apa yang

kamu sayangi, dan sesuatu apa yang kamu dermakan itu, Allah Mengetahui akan dia.”

Tentang perkara-perkara yang merosakkan pemberian itu amat luas diterangkan di dalam agama Islam. Jangan kita hanya pandai menanam, tetapi tidak pandai menjaga dan memelihara tanaman itu dari bahaya yang merosakkannya, supaya membawa hasil yang baik.

Apakah yang merosakkan pemberian itu? Jangan sekali-kali kita memberi dengan mengharapkan balasan yang lebih banyak. Ini dijelaskan oleh Allah ‘azza wa jalla di dalam *al-Qur’ān al-karīm*:

*Wa lā tamnun tastakthir* (6, al-Muddaththir).

Ertinya: “Janganlah engkau memberikan sesuatu kerana hendak meminta lebih banyak daripadanya.”

Larangan yang tersebut menghilangkan keikhlasan. Tidak adanya keikhlasan dalam menderma, sudah tentu merosakkan tujuan pemberian yang dikehendaki oleh agama Islam, iaitu untuk membersihkan dan mensucikan diri.

### **Membangkit-bangkit**

Ada lagi satu perkara yang besar bahayanya dan merosakkan pemberian, iaitu membangkit-bangkit atau menyebut-nyebut akan pemberian-pemberian kepada orang yang menerimanya, kerana yang demikian itu mengganggu dan menyinggung perasaan hatinya. Tentang ini Allah ‘azza wa jalla berfirman:

Ertinya: “Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu batalkan pahala sedekah kamu dengan perbuatan membangkit-bangkit dan mengganggu, sebagaimana orang yang membelanjakan hartanya kerana riak, dan sebagaimana orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Maka

bandingannya adalah seperti sebuah batu licin yang ada pasir di atasnya, lalu ditimpa hujan lebat, maka tinggal licinlah dia. Mereka tidak boleh mendapat sesuatu pahala dari apa yang mereka kerjakan, dan Allah tidak memberi pertunjuk<sup>1</sup> kepada kaum yang kafir.”

Jelaslah, bahawa pemberian atau derma yang kita berikan akan hilang pahalanya kalau kita mengharapkan balasan yang

lebih banyak, atau diiringi dengan perbuatan membangkit-bangkit dan mengganggu, atau kerana bermegah-megah dan riak.

Semua perkara yang tersebut seyogialah dijauhi ketika memberi derma, hadiah dan sedekah, kerana tujuan yang pertama ialah kebersihan dan kesucian. Mudah-mudahan Allah jadikan segala memberian<sup>2</sup> kita itu memberi manfaat, membawa berkat dan kebaikan<sup>3</sup> bagi kita sekalian.



*Jawatankuasa Pelajar Putera al-Ihya' al-Sharif bergambar ramai untuk bulan Ramadan al-Mubarak.*

*Duduk di tengah-tengah saudara Muhammad Tahir Busu – Pahang (Ketua Umum), di kanannya saudara-saudara: Hamzah Baki Selangor (Naib Ketua), Hamim Abū Bakar – Perak (Ketua Syarahan dan Penerangan), ‘Abd al-Rahmān Nawwās – Selangor (Naib Ketua), Hamim Abu Bakar – Perak (Ketua Syarahan dan Penerangan), Abdul Rahman Nawas – Selangor (Pemeriksa Kira-kira Satu). Manakala di sebelah kirinya ialah saudara-saudara: Hanbali Abdul Razak – Selangor (Setiausaha), Abdul Ghafar Wali – Perak (penolongnya), dan Yusof Dahlan – Selangor (Ketua Kebudayaan dan Persuratan).*

*Barisan belakang dari kanan, saudara-saudara: Zulkifli Awang Mat – Perak (Bendahari), Wan Zabidi Wan Teh – Perak (Ketua Kutubkhanah), Husin Jaafar – Selangor (Ketua Ibadat), Hasyim Mansuri – Selangor (Kebersihan), Haji Ali Haji Musa – Selangor (Sukan), dan Muḥammad Amin Sulaiman – Perak (Pemeriksa Kira-kira Dua). Kiriman Haniba.*

<sup>1</sup> petunjuk

<sup>2</sup> pemberian

<sup>3</sup> kebaikan